

PERMOHONAN PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)

FORMAT A, B C DAN D

JABATAN PENILAIAN & HARTANAH MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN

Format A

Bagi bangunan kosong dan tidak diduduki kerana tidak dapat disewakan.

Syarat-syarat permohonan :

Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan permohonan remisi dipertimbangkan :

- a) memberikan **kenyataan bertulis** kepada pentadbiran Majlis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh bangunan itu kosong.
- b) boleh membuktikan sehingga pihak majlis berpuas hati :
 - i) bangunan dalam **keadaan baik dan selamat diduduki/didiami**.
 - ii) segala usaha telah dijalankan supaya mendapat penyewa.
 - iii) sewa yang ditawarkan adalah berpatutan.
 - iv) bangunan kosong bagi tempoh masa remisi dituntut.
 - v) **cukai taksiran** bagi bangunan tersebut **telah dibayar sepenuhnya**.

Format B

Bagi bangunan yang tidak diduduki dalam tempoh baik pulih **kerja-kerja kecil** bagi maksud menjadikannya sesuai untuk diduduki.

Syarat-syarat permohonan :

Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan permohonan remisi dipertimbangkan :

- i) permohonan perlu dibuat oleh pemilik harta berkenaan.
- ii) memberikan **kenyataan bertulis** kepada pentadbiran Majlis dalam tempoh sah permit kerja-kerja kecil.
- ii) bangunan kosong dan tidak didiami bagi tempoh masa remisi dituntut.
- iv) **cukai taksiran** bagi bangunan tersebut **telah dibayar sepenuhnya**.
- iv) salinan surat kelulusan kerja-kerja kecil.

Contoh surat kelulusan menjalankan kerja-kerja kecil :



Format C

Bagi bangunan yang tidak diduduki dalam tempoh **kerja-kerja tambahan dan ubahan** bagi maksud menjadikannya sesuai untuk diduduki.

Syarat-syarat permohonan Format C :

Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan permohonan remisi dipertimbangkan :

- i) permohonan perlu dibuat oleh pemilik harta berkenaan.
- ii) memberikan **kenyataan bertulis** kepada pentadbiran Majlis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh bangunan itu kosong.
- iii) bangunan kosong dan tidak didiami bagi tempoh masa remisi dituntut.
- iv) **cukai taksiran** bagi bangunan tersebut **telah dibayar sepenuhnya**.
- v) salinan surat kelulusan pelan bangunan.

Format D

Bagi bangunan yang tidak diduduki untuk **pembinaan semula** sebelum pindaan nilai kepada tanah kosong.

Syarat-syarat permohonan Format D :

Antara syarat-syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan permohonan remisi dipertimbangkan :

- i) permohonan perlu dibuat oleh pemilik harta berkenaan.
- ii) memberikan **kenyataan bertulis** kepada pentadbiran Majlis dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh bangunan itu kosong.
- iii) bangunan kosong dan tidak didiami bagi tempoh masa remisi dituntut.
- iv) **cukai taksiran** bagi bangunan tersebut **telah dibayar sepenuhnya**.
- v) Laporan atau dokumen berkaitan (contoh : laporan polis/bomba bagi bangunan terbakar/bencana alam, kebenaran merancang, kelulusan pelan bangunan dan lain-lain).

Bagaimana untuk memohon?

Pemilik perlu membuat permohonan secara rasmi dengan membuat kenyataan bertulis kepada pentadbiran Majlis samada melalui **surat** atau mengisi **borang permohonan** yang telah disediakan di Jabatan Penilaian.

Contoh surat dan borang permohonan :

Tenggara Dinamik (M) Sdn Bhd (010884)
 Lot 114, First Floor, Faber Tower,
 Jalan Desa Bahagia, Taman Desa,
 70100 Kuala Lumpur
 Tel : 03-7982 3830
 Fax : 03-7982 1893

10th October 2011

Pengarah Penilaian
 Majlis Perbandaran Seremban,
 Jalan Yam Tuen,
 70000 Seremban

Tuan,

YUNTUTAN ELAUN PULANGAN BALIK/REMISI CUKAI TAKSIRAN BAGI BANGUNAN KEDAI/PEJABAT KOSONG
ALAMAT : NO 721, JALAN MERAK 16, TAMAN THUY JAYA, BASAH
- TENGGAT BAWAH
NO AKUAN : 6601007910001
NO ELAUN : MR18455

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa pihak kami pemilik harta yang terafut dalam ingin memohon kepada pihak tuan untuk mengemukakan Cukai Taksiran kerana penyewaan kedai/pejabat Tingkat BAWAH tidak dimastikan pada 15.09.2011

Pihak kami akan membezakan pihak tuan apabila kedai/pejabat tersebut dapat diwujudkan semula

Diharap permohonan pihak kami akan dapat pertimbangan dari pihak tuan

Sekian, terima kasih

Yang benar,
TENGGARA DINAMIK (M) SDN BHD
Sand
MAH SIEW KUAN
 Pengarah Elakual

PERMOHONAN PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI)

Lee Mei Seung
1702 Tam Ujung
Jln Tek Ungku
Tingkat Seremban MS
 Tarikh : *10/10/11*

Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Seremban,
 Jalan Yam Tuen,
 70000 Seremban,
 (s.p. Jabatan Penilaian & Hartanah)

Tuan,

PERMOHONAN PULANGAN BALIK CUKAI TAKSIRAN (REMISI) BAGI BANGUNAN KOSONG KERANA TIDAK DAPAT DISEWAKAN

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa saya ingin membuat permohonan pulangan balik cukai (remisi) kerana bangunan rumah seperti yang dinyatakan di bawah ini adalah kosong kerana tidak dapat diwujudkan.

No. Akuan : *6601007910001*
 No. Bangunan/Rumah : *266 Jln Tek 2/1*
Tam. Bukit Kerdang
 Tingkat : *2*
 Tarikh Kosong : *2011*
 No. Telefon : *06-6216552 / 011-7020655*

2. Saya akan memaklumkan kepada pihak tuan apabila bangunan rumah tersebut dapat diwujudkan. Diharap permohonan saya akan mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari pihak tuan.

Sekian, terima kasih

Yang Benar,
M.S.
 No. KP : *51692-02-5142*

Muat turun borang disini

Tempoh pemberian remisi.

Bil	Jenis Remisi	Tarikh Mula	Tarikh Tamat
1	Format A	Permohonan remisi diterima	Bangunan diduduki / dipindahmilik
2	Format B	Kelulusan permohonan kerja-kerja kecil	Minimum 30 hari
3	Format C	Permohonan remisi diterima	Bangunan siap / diduduki (1 tahun)
4	Format D	Permohonan remisi diterima	Kuatkuasa pindaan

PERINGATAN !

Tempoh permohonan

- 1) Permohonan remisi **Format B** perlu dibuat dalam **tempoh sah kelulusan kerja-kerja kecil** (30 hari).
- 2) Permohonan remisi **Format C** dan **Format D** perlu dibuat dalam **tempoh sah kelulusan merancang atau kelulusan pelan bangunan** (1 tahun).
 - Permohonan yang dibuat selepas daripada tempoh sah kelulusan tidak akan dipertimbangkan dan ditolak.

Pembatalan permohonan

Bagi remisi **Format A**, **Format C** dan **Format D** permohonan akan terbatal sekiranya:

- 1) Pemohon **lewat atau gagal mengembalikan Borang Permohonan Tuntutan Pulangan Balik Cukai Taksiran (Remisi)** iaitu sebelum atau pada **15 Jun** bagi setengah tahun pertama dan **15 Disember** bagi setengah tahun kedua.
- 2) Pemohon **gagal untuk menjelaskan cukai taksiran** sebelum atau pada **31 Mei** bagi setengah tahun pertama dan **30 November** bagi setengah tahun kedua.
- 3) **Bangunan telah diduduki atau disewa** dan pemohon gagal memaklumkan secara bertulis kepada pentadbiran Majlis.
- 4) **Bangunan telah dijual atau dipindahmilik.**